



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN KERJA UNDI

1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA NEGERI TERENGGANU** yang berdaftar dan beralamat di **DAERAH KUALA TERENGGANU** dan **DAERAH KUALA NERUS SAHAJA** serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagaimana **Gred, Kategori dan Pengkhususan yang masih sah bagi tawaran kerja undi sebagaimana di Lampiran.**
2. Pendaftaran adalah secara dalam talian melalui capaian **google form** di laman **FACEBOOK Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** yang akan dibuka bermula **Isnin, 20 September 2021, mulai jam 11.00 pagi hingga Rabu, 22 September 2021, sehingga jam 12.00 tengah hari.**
3. Cabutan Kerja Undi akan diadakan secara tertutup, namun Tuan/ Puan adalah dipelawa untuk mengikutinya secara langsung (*livestream*) di laman **FACEBOOK Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** sebagaimana ditetapkan berikut : -

Tarikh Undi	: Akan Dimaklumkan Kelak Melalui Laman Web dan FACEBOOK Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Masa	: Akan Dimaklumkan Kelak Melalui Laman Web dan FACEBOOK Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Secara Langsung Di	: Laman Youtube Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
4. Senarai Kerja Undi beserta **Gred, Katogeri dan Pengkhususan** adalah sebagaimana di Lampiran
5. Segala maklumat dalam Pendaftaran hendaklah di isi dengan lengkap serta hanya maklumat **PENAMA yang berdaftar (Pemilik Syarikat)** di dalam Sijil CIDB, SPKK dan STB sahaja layak mengisi Borang Pendaftaran. Semua kontraktor **WAJIB** memuatnaik segala sijil-sijil pendaftaran seperti Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (SPPK-CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK-CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (STB-BPKU), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah dalam capaian *google form* untuk tujuan pendaftaran. **KEGAGALAN memuatnaik dokumen-dokumen ini dengan lengkap boleh menyebabkan pendaftaran tidak akan diproses dan ditolak. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kecuaiannya kontraktor semasa mengisi Borang Pendaftaran.**
6. Kontraktor-kontraktor yang telah mendapat kerja atau telah disetujuterima kerja sama ada **Kerja Undi, Lantikan Terus atau Kerja Sebutharga Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi tahun 2021 TIDAK DIBENARKAN** menyertai Kerja Undi ini.
7. Kontraktor-kontraktor yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mail atau panggilan telefon.
8. Pihak Majlis berhak **MENOLAK** :-
 - a) Sekiranya pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan melebihi tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan.
 - b) Sekiranya didapati dokumen-dokumen yang dimuatnaik berbeza atau palsu dengan dokumen sebenar yang dikemukakan semasa menerima Surat Setuju Terima (SST) kelak.
 - c) Mana-mana kontraktor yang didapati disenarai hitam oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebelum tarikh pendaftaran undi.

t.f

.....
(HAJI ROZALI BIN SALLEH)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA):
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

SENARAI KERJA UNDI (BIL. 3/2021)

KATEGORI CE - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM

NO. KERJA UNDI	TAJUK KERJA	GRED CIDB	KATEGORI & PENGKHUSUSAN	KOS PROJEK (RM)
1	CADANGAN MENAIKTARAF ARCA PINTU MASUK DI PERSIMPANGAN UTAMA LAPANGAN TERBANG, KUALA TERENGGANU.	G1	CE 21	80.000,00